

## HAD KIFAYAH ZAKAT: SATU PARAMETER AGIHAN YANG DINAMIK

*Zakat Poverty Line: A Parameter of Dynamic Distribution*

**Muhamad Noor Habibi Hj. Long<sup>1\*</sup>**

<sup>1</sup> Institut Penyelidikan dan Perundingan Zakat (IPIZ), Universiti Utara Malaysia

\*Corresponding author (Email: mnhabibi@uum.edu.my)

Diterima: 5 Mac 2020, Diproses: 27 April 2020, Diterbitkan: 30 September 2020

---

**Abstrak:** Kajian Zakat mempunyai dua fokus utama iaitu kutipan dan agihan. Agihan zakat menggunakan pelbagai kaedah dan salah satunya ialah agihan melalui kaedah Had kifayah. Had kifayah zakat merupakan satu mekanisme untuk menentukan tahap keperluan ekonomi dan kewangan bagi seseorang asnaf untuk menjalani kehidupan yang berkualiti. Penggunaan had kifayah adalah untuk melaksanakan pengagihan dan pengurusan dana zakat yang lebih berkesan kepada golongan asnaf. Justeru itu, artikel ini dihasilkan bagi melihat kadar penentuan had kifayah di Negeri Kedah berdasarkan penilaian semula kepada keperluan yang berbeza dan kos sara hidup yang berbeza Metod Kajian kuantitatif digunakan untuk melihat perbezaan antara keperluan asnaf di kawasan Bandar, luar Bandar dan pinggir Bandar. Sehubungan dengan itu, implikasi artikel ini dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada institusi-institusi zakat di Malaysia.

**Kata Kunci:** Had Kifayah, Zakat, Negeri Kedah

**Abstract:** The study of Zakat has two main focus areas, namely selection and distribution. Zakat distribution uses different methods and one of them is distribution through the zakat poverty line process. Zakat poverty line is a tool for assessing the extent of an asnaf's economic and financial needs to lead a quality life. Using zakat poverty line is to more efficiently apply the distribution and management of zakat funds to the asnaf community. This article was therefore created to analyze the rate of determination of zakat poverty line in Kedah State, based on a re-evaluation of different needs and different living costs. Methods of quantitative analysis are used to see variations between asnaf needs in urban, rural, and suburban areas. The implications of this article can be used as a reference and guide for Malaysia's zakat institutions in this regard.

**Keywords:** Zakat Poverty Line, Kedah State

---

### PENGENALAN

Had Kifayah adalah suatu alat bagi mengukur tahap kemiskinan. Secara mudah, ia digunakan bagi mengukur kecukupan perbelanjaan golongan asnaf, dengan membandingkan pendapatan kasar dan perbelanjaan minimum sesebuah keluarga atau individu. Keputusan yang diperolehi pula lebih spesifik dan tepat dalam menentukan taraf seseorang golongan asnaf, sama ada kaya, miskin ataupun fakir (miskin tegar). Perkataan *al-Kifayah* berasal dari kalimah Arab yang

membawa pengertian cukup atau mencukupi apa yang paling penting kepadanya, atau apa yang mencukupi untuk hidup (Jamaludin Muhammad Ibn Mukram, 1992). Manakala pengertian dari segi istilah pula adalah perbelanjaan yang perlu bagi memastikan keperluan hidup dengan mengambil kira tahap purata kehidupan masyarakat sama ada dari sudut kemakmuran dan kekayaan sesebuah masyarakat (Muhammad Shauqi al-Fanjari, 2010).

Umumnya orang menyangka, fakir miskin adalah kategori yang sama. Namun, hakikatnya tidak sama. Kerana itulah, fakir dan miskin adalah dua kategori yang layak mendapat zakat disamping enam asnaf lain. Bagi Imam Abu Hanifah dan Imam Malik, mereka mentakrifkan orang fakir ialah orang yang memiliki harta tetapi tidak mencukupi keperluannya. Orang miskin pula ialah orang yang tidak memiliki apa-apa.

Manakala bagi takrifan Imam Syafie dan juga Hambali, fakir ialah orang yang tidak mempunyai apa-apa harta dan miskin pula ialah orang yang mempunyai harta namun tidak mampu memenuhi kecukupan keperluannya. Ringkasnya, pandangan Imam Syafie dan Imam Hambali adalah berlawanan dengan pandangan di sisi Hanafi dan Maliki. Bagi umat Islam di Malaysia, kita menerima pakai pendapat Imam Syafie. Dalam konteks hari ini, kita boleh mendefinisikan orang fakir itu sebagai miskin tegar atau miskin mutlak. Manakala kepada golongan miskin yang masih mampu hidup walau serba kesempitan hanya dianggap miskin sahaja. Terdapat enam keperluan asasi had kifayah yang mengambil kira aspek keperluan hidup manusia sesuai dengan keutamaan di dalam maqasid syariah dan juga indeks kesejahteraan hidup. Keperluan itu merangkumi:

1. tempat tinggal,
2. makanan,
3. pakaian,
4. pendidikan,
5. rawatan
6. pengangkutan.

Perkara-perkara yang dinyatakan di atas ini adalah suatu keperluan asasi kepada setiap manusia. Maka, seandainya pendapatan isi rumah yang diperolehi setiap bulan, tidak mampu memenuhi kecukupan minima bagi keperluan-keperluan ini, seseorang itu layak dianggap sama ada miskin ataupun fakir. LZNK mengambil kira dua lagi elemen keperluan, iaitu utiliti dan kos saraan hidup tambahan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Data kajian dikutip melalui pengedaran soal selidik kepada responden yang terpilih. Sebanyak 1500 responden telah dirancang untuk terlibat dalam kajian ini. Jumlah ini adalah merupakan 10.7% daripada 14,010 pemohon bantuan zakat bagi 3 kategori kawasan kajian iaitu bandar (1), pinggir bandar(2) dan luar bandar (3) bagi tahun 2016. Kawasan bandar adalah Kota Setar. Pinggir bandar adalah Kubang Pasu dan Pokok Sena. Sementara Luar bandar adalah Baling, Sik dan Padang Terap. Jadi setiap kawasan sebanyak 10.7% responden akan terlibat.

Kaedah pemilihan responden adalah dengan menyenaraikan semua pemohon bantuan zakat bagi tahun 2016 mengikut alfabet A hingga Z berdasarkan kawasan masing-masing.

Setelah di kira didapati setiap 9 responden dipilih satu responden. Setelah di undi didapati responden ke 8 dari setiap 9 responden mengikut senarai adalah terpilih.

Soal selidik yang diedarkan adalah berdasarkan soal selidik yang diadaptasi daripada soalselidik Jabatan Zakat Negeri Pahang (JZNP). berkaitan perbelanjaan bagi Lapan (8) ketagori perbelanjaan utama sesebuah keluarga bagi setiap bulan. Pertama berkaitan tempat perlindungan (rumah kediaman, samada rumah sendiri atau jumlah disewa atau jumlah bayaran balik pinjaman perumahan). Kedua jumlah kos makan minum. Ketiga jumlah perbelanjaan pakaian. Kempat jumlah pendidikan. Kelima jumlah perbelanjaan perubatan (perlindungan kesihatan). Keenam jumlah perbelanjaan pengangkutan. Ketujuh jumlah perbelanjaan utiliti (Elekrik, air, telefon, dan lain-lain) dan yang kelapan kos saraan hidup tambahan (rokok, ASTRO).

Pengiraan had kifayah bagi kajian ini adalah dengan menjumlahkan kesesuaian jenis perbelanjaan dan dibahagikan dengan bilangan responden yang menjawab bagi setiap ketagori perbelanjaan. Kemudian dijumlahkan semula bagi mengetahui purata jumlah perbelanjaan keseluruhan responden. Dengan itu, kita boleh menentukan golongan yang dikira miskin dan fakir. Berdasarkan kiraan tersebut bagi mereka yang jumlah pendapatan melebihi separuh daripada purata tersebut hingga sama nilai purata perbelanjaan tersebut dikira miskin, sementara mereka yang di bawah daripada nilai separuh purata tersebut diketagori sebagai fakir. Mereka yang mempunyai pedapatan melebihi jumlah purata perbelanjaan mengikut kajian ini akan dikira golongan yang tidak layak menerima zakat asnaf fakir dan miskin. Kita boleh melihat had kifayah untuk setiap kawasan mengikut kaedah pengiraan yang sama.

## **PERBINCANGAN**

Objektif pertama kajian adalah untuk menentukan had kifayah bagi LZNK berdasarkan tahap kecukupan bagi keperluan semasa dari segi perlindungan, makanan, pakaian, pendidikan perubatan, utiliti dan tambahan.

Hasil kajian mendapati had kifayah keseluruan bagi LZNK adalah RM1,213.91. Nilai ini adalah berdasarkan purata bagi mereka yang menjawab bagi setiap unsur perbelanjaan bagi keperluan harian bulanan untuk perlindungan makanan, pakaian, pendidikan perubatan, utiliti dan tambahan. Jika kita mengambil kira keseluruhan responden samada menjawab atau tidak bagi setiap unsur perbelanjaan, puratanya adalah bernilai RM810.01 sahaja. Nilai ini agak kurang realistik berbanding dengan kita mengambil kira hanya mereka yang menjawab sahaja.

### **Jadual 1. Kadar Had Kifayah (Keseluruhan)**

<b>Kategori Isi Rumah</b>	<b>Bil. Isi Rumah</b>	<b>Rumah Percuma (RM)</b>	<b>Had kifayah sekeluarga</b>
Ketua Keluarga	1	857.34	
Pasangan		150.23	
18 thn tidak bekerja	1	47.27	
Anak IPTA/IPTS		221.55	
13-18 (Anak sekolah menengah)	1	221.82	
7-12 (Anak Sekolah Rendah)	1	112.55	
Anak 4-6 tahun	1	19.09	
Anak 1-3 tahun		8.88	
OKU	1	34.25	
<b>Jumlah</b>	<b>6</b>	<b>1,672.98</b>	

Seterusnya adalah hasil dapatan kajian berkenaan kadar had kifayah bagi kategori Bandar berdasarkan isi rumah adalah sebanyak RM1225.18.

#### **Jadual 2. Kadar Had Kifayah (Bandar)**

<b>Kategori Isi Rumah</b>	<b>Bil. Isi Rumah</b>	<b>Rumah Percuma (RM)</b>	<b>Had kifayah sekeluarga</b>
Ketua Keluarga	1	677.08	
Pasangan		175.75	
18 thn tidak bekerja	1	51.91	
Anak IPTA/IPTS		84.70	
13-18 (Anak sekolah menengah)	1	148.58	
7-12 (Anak Sekolah Rendah)	1	136.42	
Anak 4-6 tahun	1	30.95	
Anak 1-3 tahun		1.62	
OKU	1	29.08	
<b>Jumlah</b>	<b>6</b>	<b>1,336.10</b>	

#### **Jadual 3. Kadar Had Kifayah (Luar Bandar)**

<b>Kategori Isi Rumah</b>	<b>Bil. Isi Rumah</b>	<b>Rumah Percuma (RM)</b>	<b>Had kifayah sekeluarga</b>
Ketua Keluarga	1	2,205.48	
Pasangan		116.71	
18 thn tidak bekerja	1	31.38	
Anak IPTA/IPTS		350.59	
13-18 (Anak sekolah menengah)	1	587.44	
7-12 (Anak Sekolah Rendah)	1	116.67	
Anak 4-6 tahun	1	15.17	
Anak 1-3 tahun		9.48	
OKU	1	37.04	
<b>Jumlah</b>	<b>6</b>	<b>3,469.97</b>	

#### **Jadual 4. Kadar Had Kifayah (Pinggir Bandar)**

<b>Kategori Isi Rumah</b>	<b>Bil. Isi Rumah</b>	<b>Rumah Percuma (RM)</b>	<b>Had kifayah sekeluarga</b>
Ketua Keluarga	1	700.98	
Pasangan		157.88	
18 thn tidak bekerja	1	61.79	
Anak IPTA/IPTS		248.41	
13-18 (Anak sekolah menengah)	1	255.69	
7-12 (Anak Sekolah Rendah)	1	72.18	
Anak 4-6 tahun	1	7.03	
Anak 1-3 tahun		3.84	
OKU	1	38.05	
<b>Jumlah</b>	<b>6</b>	<b>1,545.87</b>	

## **OBJEKTIF KEDUA KAJIAN ADALAH UNTUK MENENTUKAN GARIS PEMISAHAN DI ANTARA GOLONGAN FAKIR DAN MISKIN**

Oleh itu bagi kajian ini kita mengambil nilai RM1,213.91. Berikutnya itu garis pemisahan diantara miskin dan fakir bagi LZNK adalah nilai separuh daripada nilai RM1,213.91, iaitu RM606.95 (Qrdawi, xxxx). Dengan itu bagi mereka (keluarga) yang mempunyai pendapatan di antara RM 0 hingga RM606.95 di kira sebagai fakir dan bagi mereka yang berpendapatan melebihi RM606.95 hingga RM1,213.9 dikira miskin (Rujuk Jadual Had kifayah keseluruhan).

Bagi mereka yang mempunyai tanggungan anak sekolah pula secara purata keperluan adalah RM1442.39. Nilai ini berdasarkan respon daripada 78 responden seperti yang ditunjuk di dalam jadual had kifayah yang ada tanggungan anak sekolah. Bagi responden yang berumur diantara 40 hingga 60 keperluan agak tinggi iaitu RM1066.35 berbanding dengan kumpulan umur 40 ke bawah RM 875.24 dan yang melebihi 60 RM597.20. Keperluan tersebut adalah agak munasabah mengikut kumpulan umur.

Hasil kajian mendapati bilangan anak paling banyak adalah 8 orang. Keperluan perbelanjaan bagi keseluruan keperluan yang ditetapkan oleh kajian ini adalah secara puratanya adalah RM2,910.75. Bagi lain-lain bilangan anak adalah seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah. Seterusnya data statistik berkenaan dengan keperluan berdasarkan kategori daerah Bandar, luar Bandar dan pinggir Bandar. Hasil kajian menunjukkan bahawa kategori Bandar sebanyak RM749.34, manakala Luar Bandar dan pinggir Bandar masing-masing sebanyak RM858.04 dan RM834.24.

## **DINAMIKA PARAMETER AGIHAN HAD KIFAYAH.**

Dinamika ini dapat diuraikan dari dimensi berikut:

1. Parameter yang fleksibel.

Had Kifayah asnaf boleh berubah mengikut masa , tempat dan situasi individu. Dengan itu parameter had kifayah dapat menunjukkan tahap keperluan asas yang sebenar kepada asnaf.

2. Meningkatkan kualiti hidup Asnaf dengan memenuhi keperluan yang menyeluruh dan seimbang dengan mengambil kira kos sara hidup setempat. Had kifayah merangkumi lapan area keperluan asas yang memberikan kesan langsung kepada kehidupan asnaf.

3. Dapat merangka strategi seterusnya bagi menangani kemiskinan.

Daripada data fakir dan miskin yang dikumpulkan itulah, maka institusi zakat mampu merangka strategi seterusnya bagi menangani kemiskinan. Fakir dan miskin memerlukan kaedah dan strategi yang berbeza. Di sinilah relevannya institusi zakat memperkasakan jentera agihan zakat, misalnya dengan mewujudkan Jabatan Pembangunan Asnaf, Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat, Pusat Pendidikan dan Latihan Asnaf Zakat dan sebagainya. Ini kerana, dengan menyediakan pelbagai prasarana pembangunan zakat, maka ia akan menjadi pemangkin kepada pembangunan asnaf itu sendiri.

## **RUJUKAN**

Azman, A. R., Mansur, T., Abidin, Z., Nor, Z. M., F. S., & Kifayah, D. H. (2017). Penentuan had kifayah zakat berdasarkan Maqasid Syariah.

Bahiyah, A. (2015). *Penentuan kriteria kifayah dan ma'ruf nafkah isteri dan anak di Malaysia*.

Idris, M. (2016). Kemiskinan: Konsep & Pengukuran. Retrieved from [http://www.iais.org.my/e/attach/2016/03NOV2016\\_zakat\\_RTD/s1s1.pdf](http://www.iais.org.my/e/attach/2016/03NOV2016_zakat_RTD/s1s1.pdf)

- JAWHAR. (2007). Manual pengurusan agihan zakat.
- Johari, F., Ridhwan, M., Mohd, F., & Ahmad, F. (2014). Zakat distribution and programme for sustaining muallaf belief and thought. *Jurnal Teknologi*, 1, 35–43.
- Lembaga Zakat, S. (2018). Had kifayah. Retrieved from [http://www.e-zakat.com.my/baru/agihan/had\\_kifayah.asp](http://www.e-zakat.com.my/baru/agihan/had_kifayah.asp)
- Mohd Ali, A. F., Rashid, Z. A., Johari, F., & Muhammad, M. R. (2015). The effectiveness of Zakat in reducing poverty incident: An analysis in Kelantan, Malaysia. *Asian Social Science*, 11(21), 355–367. <http://doi.org/10.5539/ass.v11n21p355>
- Muhammad, F., Awang, S. A., Hussin, M. Y. M., & Mohamed, A. M. T. (2017). Sorotan Perbezaan Had kifayah Perbelanjaan Keperluan Asasi dan Kesannya dalam Pengiraan Zakat Pendapatan. *Akademika*, 87(2), 89–103.
- Muhamad Noor Habibi dan kumpulan penyelidik (2018). Penetapan kadar had kifayah Lembaga Zakat Negeri Kedah, *laporan akhir kajian* Lembaga Zakat Negeri Kedah.
- Sulaiman, M., Ahmad, H., Ikmal Hisham, A. I., Md Nordin, N., & Ramli, S. (2000). Had al-Kifayah di kalangan masyarakat Islam: Merungkai keperluan kaedah penentuan garis miskin dan kaya berasaskan sunnah di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah (Musnad 2) Ju: Realiti Dan Cabaran*, 3-4 July 2013, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1–14.